

22 SEP 1998

UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN YAKIN POLIS MEMPUNYAI ASAS AMBIL TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Umno Wilayah Persekutuan mengulangi taat setia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun seorang ketua Umno bahagian itu ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA) semalam berikutan perhimpunan dan kekacauan di sini dua hari lepas.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Suleiman Mohamed berkata Umno Wilayah Persekutuan yakin bahawa polis mempunyai justifikasi dan asas-asas tertentu untuk menahan Ketua Umno Bahagian Bandar Tun Razak, Tamunif Mokhtar.

Badan perhubungan itu, yang mengadakan mesyuarat khas mengenai perkara itu hari ini, turut membuat keputusan meminta anggota-anggota Umno di bahagian berkenaan bertenang sementara polis meneruskan siasatan.

Suleiman, yang juga Timbalan Menteri Penerangan, berkata anggota-anggota Umno di Wilayah Persekutuan yang terbabit dengan perhimpunan itu yang menyokong gerakan reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak begitu ramai.

Bagaimanapun, Umno Wilayah Persekutuan akan menyiasat dan mencadangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti mengambil tindakan tegas terhadap anggota parti yang menyokong gerakan reformasi Anwar.

-- BERNAMA
AZZ NAK